

Pembenihan awan alih hujan

Kerajaan tak cadang isytihar darurat di Johor berikutan cuaca semakin baik

BH 17/1

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak bercadang mengisytiharkan darurat di Johor berikutan ramalan cuaca untuk negeri itu untuk beberapa hari akan datang menunjukkan keadaan yang lebih baik.

Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Bahagian Keselamatan Negara (BKN) di Jabatan Perdana Menteri, Che Moin Umar, berkata ramalan Jabatan Meteorologi bahawa angin monsun di Laut China Selatan semakin perlahan menuju ke daratan dan menyebabkan hujan diramalkan tidak lebat atau sekejap-sekejap.

Malah, katanya, pembenihan hu-

jan bertujuan mengalihkan hujan dari kawasan daratan ke laut dilaksanakan dengan kerjasama pusat operasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan menggunakan pesawat C-130.

"Ketika ini BKN menggunakan penanda aras taburan hujan melebihi 100 mililiter (ml) untuk tempoh dua hari berturut-turut bagi meramalkan kemungkinan berlakunya banjir di Johor.

"Namun, taburan hujan di Johor diramalkan tidak melebihi 100 ml tetapi di Sabah hujan diramalkan berterusan dan BKN sudah mengeluarkan amaran merah bagi negeri

“Ketika ini BKN menggunakan penanda aras taburan hujan melebihi 100 mililiter (ml) untuk dua hari berturut-turut”

Che Moin Umar

Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Bahagian Keselamatan Negara (BKN) di Jabatan Perdana Menteri

itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Bencana Banjir di sini, semalam.

Beliau berkata, BKN juga memutuskan supaya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dilantik sebagai badan induk menyelaraskan maklumat mengenai tahap ketahanan empangan di semua negeri terutama di Johor.

"Ketika ini, ada enam empangan di Johor dan tiga daripadanya di bawah kawalan JPS manakala selebihnya diuruskan Syarikat Air Johor (SAJ).

"Kita mahu JPS mendapatkan maklumat mengenai semua empa-

ngan tidak kira sama ada ia dimiliki Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau kerajaan negeri dan mahu semua agensi kerajaan negeri memberikan kerjasama menyalurkan maklumat mengenai situasi terkini di empangan masing-masing," katanya.

Beliau juga menjangka banjir di beberapa daerah di Johor akan pulih jumlah mangsa dapat dikurangkan.

"Bagaimanapun, keadaan banjir di Batu Pahat akan mengambil masa antara dua hingga tiga minggu untuk pulih berikutan paras air di daerah itu masih meningkat," katanya.